# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

10 OGOS 2016
RABU


| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | AHLI MAJLIS PERLU FAHAM PERANAN | 2 |
| SINAR HARIAN | KAWASAN TIMUR WILAYAH ISKANDAR TUMPUAN PEMAJU | 3 |
| SINAR HARIAN | 18 TERKORBAN SETIAP HARI | 4 |
| SINAR HARIAN | UMUR PANJANG KALAHKAN ANAK-ANAK | 5 |
| KOSMO | 5 STRATEGI MODENKAN PBT JOHOR | 6 |
| KOSMO | TEKSI AIR IKON BAHARU PELANCONGAN DI JOHOR | 7 |
| THE STAR | MB: CHANGE FOR THE BETTER | 8 |
| UTUSAN MALAYSIA | SMK KOTA MASAI 2 PRINTIS KEMPEN KESELAMATAN | 9 |

# SINAR HARIAN

SH 10/8/16

## Ahli majlis perlu faham peranan

**JOHOR BAHRU** - Setiap ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini seharusnya faham peranan dan tanggungjawab dalam memenuhi aspirasi masyarakat.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abd Latif Bandi berkata, cabaran dihadapi masa kini menuntut mereka untuk melakukan sesuatu demi memastikan aspirasi rakyat kekal dipenuhi.

"Ledakan teknologi maklumat, kepekaan terhadap keperluan masyarakat, proses perbandaran dan keselamatan, isu kesihatan dan kemiskinan adalah antara cabaran yang perlu kita terima hari ini," katanya ketika Majlis Perasmian Konvensyen Ahli-ahli Majlis PBT Negeri Johor Sesi 2016/2017 dan Pelancaran Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT Negeri Johor, di sini, kelmarin.

Abd Latif berkata, konvensyen itu seharusnya menjadi platform terbaik buat semua ahli majlis memahami dan berkongsi maklumat serta idea dalam menjayakan agenda bersama kerajaan negeri.

Menurutnya, idea transformasi PBT perlu dilaksanakan secara bijak dan tersusun.



# SINAR HARIAN

SH 10/8/16

## Kawasan timur Wilayah Iskandar tumpuan pemaju

**PASIR GUDANG** - Tumpuan pembangunan di timur Wilayah Iskandar Malaysia perlu kerjasama kerajaan dengan pemaju khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam memastikan kemudahan infrastruktur diberi perhatian.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kerancakan pembangunan di kawasan itu akan menyebabkan ramai yang bakal berhijrah ke kawasan timur, ditambah dengan perancangan kerajaan untuk mewujudkan pengangkutan teksi air ke Singapura di Kong Kong.

Menurutnya, rakyat bukan sahaja memerlukan kediaman, sebaliknya inginkan kemudahan pengangkutan dan pendidikan yang lebih baik serta bermanfaat kepada golongan yang tinggal di kawasan tersebut.

"Kalau kawasan itu tidak dimajukan dengan kemudahan pengangkutan dan sebagainya, ia pasti akan menyebabkan kesesakan lalu lintas selepas menjadi tumpuan rakyat berhijrah ke kawasan berkenaan.

"Ia terpulang kepada kerajaan pusat untuk mengkaji dari segi pelaburan dan potensi projek itu kerana dari Pasir Gudang ke Singapura mengambil masa sejam setengah hingga dua jam, sebaliknya hanya 20 minit sekiranya menggunakan teksi air.

"Justeru kawasan itu tidak mustahil bakal menjadi tumpuan sekiranya soal pengangkutan diberikan perhatian," katanya pada Majlis Perasmian Projek Perumahan Meridin East, Bistari Perdana dan Pembukaan Galeri Jualan, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Karim; Pegawai Daerah Johor Bahru, Abdul Halim Hasbullah dan Pengerusi Mah Sing Group, Tan Sri Yaacob Mat Zain.



Mohamed Khaled (tiga, kanan) melawat galeri jualan selepas merasmikan Projek Perumahan Meridin East, Bistari Perdana, baru-baru ini.



# SINAR HARIAN

SH 10/8/16

# 18 terkorban setiap hari

## Johor antara penyumbang tertinggi kemalangan maut



Roslan (empat, kiri) bergambar kenangan bersama pelajar SMK Taman Kota Masai 2 yang menerima sumbangan topi keledar baharu, kelmarin.

AZIZAN INCHE HARUN

**PASIR GUDANG** - Kemalangan maut di negara ini masih mencatatkan kadar kematian yang tinggi apabila statistik menunjukkan 18 pengguna jalan raya terkorban setiap hari sejak 2015.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Datuk Roslan Eusoff berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 63 peratus mangsa adalah penunggang motosikal,

Menurutnya, negeri ini adalah antara penyumbang kemalangan maut tertinggi dengan catatan kematian sebanyak 1,077 pada tahun lalu.

"Walaupun terdapat penurunan jumlah kematian setiap hari daripada 19 mangsa pada 2014 dan 20 mangsa pada tahun sebelumnya, tetapi jumlah 18 kematian yang direkodkan setiap hari masih tinggi berbanding negara maju yang kurang lima orang terbunuh setiap hari.

"Kita memang mahukan sifar kematian membabitkan kemalangan maut tetapi mustahil. Bagaimanapun, daripada 18 jumlah kematian setiap hari yang direkodkan, kalau dapat dikurangkan kepada separuh itu pun dah agak baik dalam situasi jalan raya negara kita yang kurang selamat berbanding negara maju," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya di Sekolah Anjuran Bersama Petron Malaysia Refining and Marketing Berhad di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Kota Masai 2, di sini, kelmarin.

Roslan berkata, JKJR mengambil inisiatif melancarkan kempen keselamatan di peringkat sekolah sebagai usaha memupuk kesedaran tentang keselamatan jalan raya dalam kalangan pelajar sekolah.

Tambahnya, JKJR turut mendapat kerjasama JPJ memperkenalkan myLESEN untuk kemudahan pelajar berumur 16 tahun mendaftar lesen kelas B2 dengan bayaran separuh harga daripada biasa dengan hanya RM299.

"Kita mahu semua pelajar yang menunggang motosikal ke sekolah mempunyai lesen. Boleh dikatakan majoriti yang menunggang motosikal ke sekolah bukan sahaja tidak memakai topi keledar, tetapi tidak mempunyai lesen.

"Kita harap pelajar dapat memanfaatkan peluang ini dengan mendaftarkan diri dalam pengambilan lesen kelas B2 supaya lebih memahami undang-undang jalan raya," katanya.



# SINAR HARIAN

SH 10/8/16

## Umur panjang kalahkan anak-anak

### Amalan pemakanan, gaya hidup sihat bolehkan Wak hidup lebih lama berbanding anak-anak yang sudah meninggal dunia

SHAFIQ TINO



Wak Sastro (tengah) bersama keluarganya ketika memotong kek sempena ulang tahun kelahirannya yang ke 100.

**PASIR GUDANG** - Meskipun sudah menjangkau usia 100 tahun, lelaki kelahiran Jawa Tengah, Indonesia Sastro Tonoh dari Kampung Baru, Masai dekat sini masih lagi mampu bertutur lancar malah mesra melayani kunjungan tetamu ke rumahnya.

Lebih mesra disapa Wak Sastro, memberitahu dia juga tidak menghidap sebarang penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, lemah jantung dan masalah kesihatan lain yang sering melanda warga emas atau golongan berumur sepertinya.

Wak Sastro yang ditemui di kediamannya ketika majlis ulang tahun kelahirannya yang ke-100, baru-baru ini dilihat begitu bertenaga kerana masih mampu untuk berdiri serta petah berbicara bersama setiap tetamu yang memeriahkan majlis berkenaan.

Satu rahsia yang dikongsi Wak Sastro kekal sihat ialah tidak mengamalkan pengambilan gula dalam makanan selain mengutamakan sayuran dan ulaman.

"Setiap kali makan, saya hanya mengamalkan pengambilan sayur-sayuran, sedikit lauk untuk tenaga dan minuman panas seperti teh kosong tidak bergula.

"Malah, saya juga kurang mengambil makanan yang telah diproses sebagai contoh kicap. Minyak kelapa pun saya hasilkan sendiri tanpa sebarang campuran. Semuanya diyakini asli," katanya.

Selain amalan pemakanan, gaya hidup yang serba cergas juga menjadi faktor utama dia masih mampu seperti sedia kala.

"Saya selalu kerja keras, memang dari usia muda, jika saya tiada kerja saya akan berkebun. Tidak kira apa sahaja tugas saya tetap lakukan kerana untuk memastikan badan saya tidak terperap dan lembik.

"Tetapi, maklumlah walau macam mana kuat sekali pun, usia saya dah terlalu lanjut, sakit-sakit sikit, penglihatan kabur sudah menjadi penghalang kepada sebahagian gaya hidup saya sekarang," katanya.

Mengimbau kembali sejarah

Sastro menjejakkan kakinya ke sini hasil bantuan tentera Jepun yang ketika itu datang untuk mengkaji peradaban masyarakat Melayu di sini.

"Saya ketika itu berusia 27 tahun dan datang ke mari dengan menaiki kapal laut bersama Jepun, ketika itu saya hanya terfikir untuk bekerja dan membina kehidupan baharu di sini.

"Pelbagai kerjaya telah saya lakukan pada awal kedatangan saya ke Malaysia, saya pernah menjadi petani, buruh binaan malah mencari kayu untuk membina beberapa mas-

ini," katanya.

Dalam pada itu, katanya, keluarganya kini sudah memasuki keturunan keempat malah melahirkan rasa gembira kerana masih berkesempatan melihat cuci cicitnya membesar.

"Hasil perkahwinan pertama, saya mempunyai seorang anak dan perkahwinan kedua pula saya dikurniakan tiga anak tiri. Sehingga kini saya sudah mempunyai 18 cucu, 28 cicit dan 14 piut. Sekarang cuma anak tiri saya, Jaiman berusia 78 masih hidup manakala anak saya yang lain

> **"Setiap kali makan, saya hanya mengamalkan pengambilan sayur-sayuran, sedikit lauk untuk tenaga dan minuman panas seperti teh kosong tidak bergula. Malah, saya juga kurang mengambil makanan yang telah diproses sebagai contoh kicap. Minyak kelapa pun saya hasilkan sendiri tanpa sebarang campuran. Semuanya diyakini asli."**
> - Wak Sastro

katanya.

Sementara itu, cucu menantu sulungnya, Abu Bakar Abd Rahim, 49, memberitahu datuknya ketika berusia 80an masih kuat sering menghabiskan masa di kebun dan mengambil upah menggali parit di kampungnya.

"Datuk memang seorang yang kuat bekerja, ketika berusia 80an beliau masih lagi mampu berjalan satu kampung malah turut melakukan kerja-kerja pembinaan.

"Meskipun sekarang dia banyak menghabiskan masa di rumah, dia juga masih rajin bersenam, berjalan atau bermain bersama cucu-cicitnya.

"Ia sememangnya sesuatu yang luar biasa kepada diri saya, tatkala kebanyakan masyarakat kini sudah menghidap pelbagai penyakit di usia yang muda, beliau masih lagi kuat malah tidak pernah merungut sakit atau



# KOSMO

Kosmo 10/8/16

# 5 strategi modenkan PBT Johor

JOHOR BAHRU – Kerajaan negeri Johor menggariskan lima strategi bagi memodenkan sistem perkhidmatan dan penyampaian pihak berkuasa tempatan (PBT) bertujuan untuk menjadikan perkhidmatan kerajaan negeri kepada masyarakat berjalan cekap dan lancar.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan menjadi semakin mendesak kerana keperluan dan corak kehidupan rakyat sendiri telah banyak berubah.

"Sistem penyampaian kita mesti bukan sahaja pantas, tetapi canggih kerana Malaysia yang berubah juga sudah menjadi sangat kompleks dan canggih.

"Maka kerana itu, sistem perkhidmatan PBT juga harus berubah seiring dengan perubahan dan fungsi kerajaan dalam era yang sangat kompleks ini," katanya ketika melancarkan Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT di Hati Rakyat di Pusat Konvensyen Persada Johor di sini malam kelmarin.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abd. Latiff Bandi dan beberapa Exco lain.

Mohamed Khaled menjelaskan, strategi pertama adalah menjadikan pembangunan modal insan dalam setiap perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber manusia PBT.

Katanya, PBT juga perlu memfokus kepada peningkatan inovasi dan kreativiti.

"Strategi ketiga ialah PBT di negeri ini perlu mempunyai strategi pengukuhan kewangan sendiri dan strategi keempat mewujudkan persekitaran yang lestari dalam masyarakat.

"PBT Johor juga perlu mempunyai sistem komunikasi yang menyeluruh dan berkesan," ujarnya.

Mohamed Khaled mahu PBT Johor menyampaikan segala hasrat, perancangan dan perlaksanaan kepada rakyat dengan cara yang mudah dan berkesan selain birokrasi yang luar biasa perlu dihapuskan. – Bernama



MOHAMED KHALED (tengah) melakukan gimik perasmian Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT di Hati Rakyat di Johor Bahru malam kelmarin.

# KOSMO



KOSMO! RABU 10 OGOS 2016

Analisis Kosmo!

## Teksi air ikon baharu pelancongan di Johor

Di Sebalik Isu Panas

Bersama FAIZAL NAZARUDDIN

PENGHUJUNG tahun lalu menyaksikan kesesakan luar biasa berlaku hampir selama seminggu di Tambak Johor berikutan pertambahan jumlah kenderaan yang memasuki Singapura selain peningkatan kawalan keselamatan oleh pemerintah republik itu di pintu masuk sempadan mereka.

Ada pengguna terperangkap selama hampir empat jam gara-gara kesesakan yang berlaku sejak awal pagi hingga malam di atas jambatan yang dibina pada tahun 1924 itu.

Masalah kesesakan lalu lintas di sempadan Johor-Singapura bukan hanya berlaku di Tambak Johor malahan turut dialami pengguna kenderaan di Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Dianggarkan lebih 110,000 rakyat di Johor berulang-alik setiap hari ketika ini untuk bekerja di Singapura. Jumlah itu belum dikira dengan kehadiran pelancong dan perkhidmatan logistik antara kedua-dua negara.

Berikutan masalah itu, kerajaan negeri Johor sedang mengkaji untuk mewujudkan perkhidmatan teksi air antara Johor dan Singapura sebagai salah satu alternatif mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kedua-dua negara.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, cadangan teksi air itu akan menawarkan perkhidmatan melalui laut dari terminal feri di Changi, Singapura dan sebuah terminal baharu yang akan dibina di Kong Kong. Pasir Gudang.

"Memang ada cadangan untuk melaksanakan operasi teksi air yang turut boleh membawa bersamanya kenderaan dari Changi ke satu terminal baharu di Kong Kong.

"Ia akan menghubungkan Singapura dengan sebelah timur Johor Bahru serta menjimatkan tempoh perjalanan kepada 20 minit sahaja," katanya.

Menurut Mohamed Khaled, cadangan teksi air itu akan dibawa kepada kerajaan Pusat untuk dipertimbangkan. Katanya, jika Kuala Lumpur memberikan kebenaran, kerajaan negeri akan membuat kajian dan mungkin tahun depan pengguna akan dapat menikmati perkhidmatan itu.

Beliau percaya kewujudan perkhidmatan teksi air itu bakal memberi kesan limpahan ekonomi kepada penduduk setempat khususnya di kawasan Kong-Kong, Pasir Gudang.

> Perkhidmatan teksi air bakal memberi kesan limpahan ekonomi kepada penduduk setempat

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong pula menyifatkan cadangan untuk menyediakan perkhidmatan teksi air sebagai baik.

"Teksi air bukan hanya boleh menjadi alternatif bagi mengurangkan kesesakan lalu-lintas di Tambak Johor dan Linkedua tetapi boleh dipertimbangkan untuk manfaat pelancongan kepada Johor," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*.

Perkhidmatan teksi air tersebut mampu menjadi ikon pelancongan negeri kerana memberi pengalaman yang baru dan menarik kepada pelancong yang dapat menikmati keindahan alam semula jadi dari Sungai Johor sehingga ke Singapura.

Pelancongan teksi air kini merupakan antara tarikan utama pelancong di negara barat dan Johor seharusnya tidak ketinggalan mengetengahkan produk perkhidmatan terbabit.

Dengan adanya perkhidmatan tersebut, Johor dapat membangunkan sektor pelancongan di sekitar perairannya dengan ketika ini sebanyak 10 terminal feri telah dibina dari barat hingga timur negeri itu.

Ditanya sama ada teksi air itu akan sama ada seperti feri Pulau Pinang, jelasnya, jenis perkhidmatan berkenaan masih dalam peringkat perbincangan namun Johor akan memastikan ia sesuatu yang istimewa dan menarik.

Bagi Persatuan Penggerak Pengguna Johor, cadangan menyediakan perkhidmatan teksi air terbabit sepatutnya telah dilaksanakan sejak dahulu lagi memandangkan kesesakan lalu-lintas di pintu sempadan Johor dan Singapura yang meningkat saban tahun.

Menurut Pengerusinya, Abdul Majid Kayat, kerajaan negeri perlu menyegerakan perkhidmatan teksi air itu bagi memudahkan pengguna di kedua-dua negara.

"Perkhidmatan itu akan mendapat sambutan daripada orang Johor yang tinggal di Pasir Gudang serta rakyat Singapura di Katong dan Geylang kerana mereka tidak perlu lagi bersesak-sesak di Tambak Johor lagi," katanya ketika dihubungi.

Tambahnya, dengan penyediaan perkhidmatan terbabit, dijangka dapat meningkatkan lagi kegiatan ekonomi penduduk dan peluang pekerjaan di sekitar jeti teksi air itu kelak.

"Banyak peluang pekerjaan untuk perkhidmatan bot dan jeti akan ditawarkan kepada orang ramai selain banyak perniagaan turut dibuka di sekitar jeti itu ekoran kehadiran pengguna," ujarnya.

Bagaimanapun, apa yang mustahak, di sebalik keghairahan kerajaan melaksanakan perkhidmatan itu kelak, diharap hak pengguna tidak diabaikan seperti kadar tambang yang berpatutan dan aspek keselamatannya.

ENJIT-ENJIT SEMUT

# THE STAR

STAR 10/8/16

story by
KATHLEEN
ANN KILI
kili@thestar.com.my

# MB: Change for the better

## Local councils told to be innovative and creative to offer better services to the public

**JOHOR BARU:** Local councils must be open to changes and come up with innovative and creative ideas to offer better services to the public, said Johor Mentri Besar Datuk Mohamed Khaled Nordin.

He outlined five vital measures for local councils to improve in providing not only excellent and transparent but also creative and innovative service and delivery system.

He added that firstly, councils should look into development of human capital as it needs skilled hardworking professionals with integrity and well versed with the rules and regulations of the Government.

"Councils should also enhance its innovation and creativity in carrying out their services.

"The challenge remains with those who refuse to accept changes.

"Change is no longer a choice, we have to embrace it as otherwise, we will be left out from progress," he said during the Johor Local Councillors Convention 2016/2017 and the launching of Local Councils Transformation Plan Open Day here on Sunday.

Mohamed Khaled also said that the local councils should come up with its own strategies to strengthen its finances.

"Each council is aware of the potential and needs of their respective areas and they should also know the areas which can help boost their revenue.

"This financial independence will also allow councils to be more autonomic, opening up to democracy and increasing the standards of its services," he added.

In relation to this, he also pointed out that local councils should create a more sustainable environment for the community.

"The difference is that it does not refer to financial management but strategies to optimise the surrounding environment for a sustainable living," he said.

Lastly, Mohamed Khaled noted that local councils should have a comprehensive and effective communication system.

"We have to help them understand the direction of our development and the Government's aspirations and plans that are pro-*rakyat* and we can get the message across only with an efficient system," he said.




Mohamed Khaled (left) launching the Johor Local Councillors Convention 2016/2017 and Local Councils Transformation Plan Open Day.



# UTUSAN MALAYSIA

UM 10/8/16

## SMK Kota Masai 2 perintis kempen keselamatan

**JOHOR BAHRU 9 Ogos** – Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota Masai 2, di sini dipilih sekolah pertama untuk Kempen Keselamatan Jalan Raya pada tahun ini bertujuan menimbulkan kesedaran tentang keselamatan jalan raya dalam kalangan pelajar.

Kempen anjuran Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd. itu turut mendapat kerjasama pihak polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Penjara.

Timbalan Ketua Pengarah JKJR, Datuk Roslan Eusoff berkata, usaha itu diharapkan dapat memupuk kefahaman, kesedaran, rasa tanggungjawab dan disiplin dapat dipertingkatkan sekali gus mengurangkan kadar kemalangan maut.

"Pemilihan sekolah ini kerana kira-kira 500 pelajarnya menunggang motosikal ke sekolah setiap hari dan jumlah itu ramai berbanding sekolah lain dan kempen itu diharap dapat menyemai sikap pemanduan berhemah.

"Pelancaran *My lesen* juga diadakan dengan kerjasama JPJ negeri dan Akademi Memandu Mega Sdn. Bhd. Menerusi program *My lesen* ini mereka ditawarkan untuk mendaftar mengambil lesen B2 dengan bayaran hanya RM299 bagi setiap pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya di Sekolah Dengan Kerjasama Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd. di Dewan Utama SMK Kota Masai 2, semalam.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri, Mohd. Rusdi Mohd. Darus; Pengurus Keselamatan, Sekuriti, Kesihatan dan Alam Sekitar Petron Malaysia, Lokman Hani dan Pengetua SMK Kota Masai 2, Rosland Mohd. Yusof.

Dalam majlis tersebut, seramai lima pelajar dipilih menjadi duta kempen keselamatan itu dan pihak JKJR turut menyumbangkan 100 topi kaledar serta 50 jaket pantul cahaya kepada pelajar SMK berkenaan.

Roslan berkata, kempen itu diharap akan menjadikan semua pihak peka terhadap aspek keselamatan sekali gus berubah menjadi lebih berhati-hati pada masa akan datang.

Tambah beliau, kempen tersebut selepas ini akan turut dianjurkan di sekolah rendah dan universiti awam selain di taman asuhan kanak-kanak (Taska) serta taman didikan kanak-kanak (tadika) di seluruh negara.




**ROSLAN EUSOFF (kanan) menyampaikan replika kad kepada Mohamad Saiful Mad Ali yang dilantik Duta Keselamatan Jalan Raya sambil disaksikan Lokman Hani (tiga dari kiri) dan Rosland Mohd. Yusof dalam majlis pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya di SMK Kota Masai 2, Johor Bahru, kelmarin.**